



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### KIT UJIAN KENDIRI COVID-19 DISEDIAKAN DI BAWAH PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan membekalkan kemudahan **kit ujian sendiri COVID-19 (COVID-19 self-test kit)** di bawah **Program Ujian Saringan COVID-19** Fasa Pemulihan kepada majikan yang melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada pekerja mereka
2. Penyediaan kit ujian sendiri COVID-19 ini bertujuan untuk membantu golongan majikan melaksanakan ujian saringan COVID-19 dengan lebih mudah dan pantas.
3. Sebelum ini, PERKESO membekalkan kit ujian saringan jenis *Rapid Test Kit (RTK) Antigen* kepada majikan yang menjalankan proses saringan COVID-19 pekerja mereka, bermula 6 September 2021. Menerusi program ini, majikan bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 ini bersama klinik pilihan mereka, selain perlu menanggung kos perkhidmatan bagi ujian saringan tersebut. Setakat ini, PERKESO telah menerima **230,000 permohonan daripada majikan** bagi mendapatkan kit ujian tersebut.
4. Sehubungan itu, majikan yang masih belum membuat permohonan boleh memilih jenis kit ujian yang ingin dilaksanakan sama ada *Rapid Test Kit (RTK) Antigen* yang boleh dilakukan secara profesional oleh klinik atau kit ujian sendiri COVID-19 yang boleh dilakukan sendiri oleh pekerja. Kit-kit ujian ini akan dibekalkan kepada majikan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO.
5. KSM berharap pelaksanaan program ini akan mengurangkan bebanan dan memberikan kemudahan kepada para majikan dalam menunaikan tanggungjawab untuk mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja, sekaligus membantu Kerajaan dalam usaha pemulihan ekonomi negara.

6. Maklumat lanjut termasuk proses permohonan berhubung Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan ini boleh diperolehi di **laman web rasmi PERKESO** di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) dan **Portal Program Saringan Prihatin** di [psp.perkeso.gov.my](http://psp.perkeso.gov.my). Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Careline PERKESO** i **1300-22-8000** atau **Hotline HSP dan PSP** di **03-4264 5089** atau e-mel [hsp@perkeso.gov.my](mailto:hsp@perkeso.gov.my).

**DATUK SERI M.SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**7 OKTOBER 2021**